

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### **EAIC MULAKAN OPERASI KAUNTER ADUAN DAN PERKHIDMATAN PELANGGAN DI MENARA USAHAWAN, PUTRAJAYA**

Putrajaya 21 Julai 2016 - Sukacita dimaklumkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan / *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) telah memulakan operasi kaunter aduan dan kaunter perkhidmatan pelanggannya secara rasminya pada hari ini. Alamat dan waktu beroperasi bagi kedua-dua kaunter ini adalah seperti berikut:


#### ALAMAT

**ARAS G, BLOK MENARA,  
BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
NO 18. PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, PUTRAJAYA**

#### WAKTU OPERASI

**Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 1.00 petang / 2.00 petang - 5.00 petang  
Jumaat : 8.00 pagi - 12.15 t.hari / 2.45 petang - 5.00 petang**

Pembukaan kaunter ini bertujuan memudahkan orang awam yang berurusan dengan EAIC untuk membuat aduan secara bersemuka atau mendapatkan maklumat yang tepat dan perkhidmatan yang cepat. Fungsi dan khidmat utama kaunter-kaunter ini adalah untuk menerima aduan, pertanyaan umum, khidmat nasihat dan maklum balas pelanggan. Kaunter ini akan turut menjalankan fungsi perkhidmatan *helpdesk* kepada pelanggan termasuk mengurus dan memantau semua urusan pelanggan, membuat kajian dan pengukuran tahap kepuasan



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526




LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

pelanggan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan serta menjalinkan hubungan yang baik antara organisasi dengan pelanggan.

Dalam kenyataannya hari ini, Yang Arif Datuk Yaacob Md Sam, Pengerusi EAIC berkata *“khidmat-khidmat secara langsung di kaunter ini adalah penting bagi menjamin pengurusan perhubungan pelanggan yang cekap, berkesan dan responsif seiring dengan kehendak dan keperluan pelanggan”*. Ia juga merupakan sebahagian daripada program mendekati rakyat oleh EAIC.

Dalam pada itu, EAIC hari ini telah meraikan pemenang-pemenang Pertandingan Mencipta Poster anjuran Suruhanjaya tersebut buat pertama kalinya. Pertandingan rekaan poster yang bertemakan *'Integriti Dijulang Negara Bermaruah'* ini telah dilancarkan pada 1 April 2016 sehingga 30 Jun 2016 dengan objektif utamanya untuk memupuk dan memantapkan kesedaran umum mengenai EAIC di samping memperkasakan nilai-nilai integriti di kalangan masyarakat. Poster yang dipilih sebagai pemenang utama akan dicetak dan diedarkan bagi dipamerkan di tempat atau premis agensi-agensi penguatkuasaan bagi membolehkan orang awam mengetahui kaedah dan saluran dalam membuat aduan salah laku pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan kepada EAIC.



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN**  
**PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2**  
**62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA**  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

EAIC mengharapkan kerjasama penuh akan diberikan oleh seluruh agensi-agensi penguatkuasaan seliaannya untuk mempamerkan poster aduan salah laku tersebut dalam usaha pencegahan salah laku dan menyemarakkan nilai serta aspek integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan dalam penguatkuasaan undang-undang dan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat

Majlis yang sama turut meraikan pegawai-pegawai pasukan pertama (pasukan Nukleus) yang terlibat awal dalam penubuhan dan pembentukan EAIC sebagai sebuah organisasi di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700) yang mula dikuatkuasakan pada 1 April 2011.

**-TAMAT-**

**DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM**

Pengerusi  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

21 Julai 2016